

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tambahan
Sidang Akademik 1994/95

Mei/Jun 1995

JIF 413 - Ilmu Fizik Atom

Masa : [3 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
- Jawab mana-mana LIMA soalan. Setiap soalan bernilai 20 markah dan markah subsoalan diperlihatkan di penghujung subsoalan itu.
- Setiap jawapan mesti dijawab di dalam buku jawapan yang disediakan.

1. Persamaan Schrödinger untuk atom hidrogen dalam koordinat sfera ialah

$$\frac{1}{r^2} \frac{\partial}{\partial r} \left(r^2 \frac{\partial \psi}{\partial r} \right) + \frac{1}{r^2 \sin \theta} \frac{\partial}{\partial \theta} \left(\sin \theta \frac{\partial \psi}{\partial \theta} \right) + \frac{1}{r^2 \sin^2 \theta} \frac{\partial^2 \psi}{\partial \phi^2} + \frac{2\mu}{\hbar^2} [E - V(r)] \psi = 0.$$

di mana $\psi(r, \theta, \phi) = R(r)\Theta(\theta)\Phi(\phi)$. Dengan menggunakan syarat keortogonalan yang sesuai, tunjukkan bahawa fungsi $\Phi(\phi)$ boleh diungkapkan dalam bentuk

$$\Phi(\phi) = \frac{1}{\sqrt{2\pi}} e^{im\phi}$$

di mana $m = 0, \pm 1, \pm 2, \pm 3$.

(20 markah)

2. (a) Diketahui bahawa operator $L_z = -i\hbar \frac{\partial}{\partial \phi}$ dan fungsi $Y(\theta, \phi) = \Theta(\theta)\Phi(\phi)$.

Tunjukkan bahawa tindakan operator L_z ke atas fungsi $Y(\theta, \phi)$ akan menghasilkan pengkuantuman ruang untuk L_z .

(10 markah)

- (b) Tunjukkan bahawa gandingan antara momentum sudut orbitan \underline{L} dan momentum sudut spin \underline{s} , menghasilkan sudut θ yang boleh diungkapkan oleh

$$\cos \theta = \frac{j(j+1) - \ell(\ell+1) - s(s+1)}{2[\ell(\ell+1)]^{\frac{1}{2}} [s(s+1)]^{\frac{1}{2}}}$$

di mana j , ℓ dan s ialah masing-masing nombor kuantum sudut total, nombor kuantum orbitan dan nombor kuantum spin.

(10 markah)

3. (a) Suatu sistem yang mengandungi dua zarah yang tak bersalingtindakan, seiras dan tak berbeza mempunyai fungsi gelombang anti-simetri. Daripada fungsi gelombang ini terbitkan Prinsip Ekslusif Pauli.

(10 markah)

- (b) Cari nilai medan magnet yang dihasilkan oleh pergerakan orbitan elektron yang memecahkan garisan-D Natrium, $5890 \text{ } \text{\AA}$ kepada dua garisan yang berjarak gelombang $5889.95 \text{ } \text{\AA}$ dan $5895.92 \text{ } \text{\AA}$.

$$\left[\begin{aligned} hc &= 12.4 \times 10^3 \text{ eV}\cdot\text{\AA} \\ \frac{e\hbar}{2m} &= 5.79 \times 10^{-5} \frac{\text{eV}}{T} \end{aligned} \right]$$

(10 markah)

4. (a) Nyatakan apa yang anda faham tentang kesan Zeeman Biasa dan kesan Zeeman Janggal.

(10 markah)

- (b) Di dalam kesan Zeeman Janggal, buktikan bahawa pemecahan tenaga antara paras ΔE_j di bawah pengaruh medan magnet \underline{B} boleh diberikan oleh persamaan

$$\Delta E_j = \frac{e}{2m} g_j B m_j \hbar$$

(10 markah)

5. (a) Di dalam penghasilan bim laser, nyatakan apa yang anda faham tentang sebutan-sebutan berikut:

- (a) Pancaran Rangsangan (Stimulated Emission)
- (b) Populasi Songsang (Population Inversion)
- (c) Pancaran Teraruh (Induced Emission)
- (d) Pengepaman optik (Optical pumping)

(10 markah)

- (b) Dengan menggunakan statistic Boltzman, buktikan bahawa nisbah kadar pancaran teraruh dengan kadar pancaran spontan ialah

$$\frac{R_{ie}}{R_{se}} = \frac{1}{e^{\hbar\nu/kT} - 1}$$

(10 markah)

6. Pilih DUA tajuk daripada tajuk-tajuk yang di bawah ini dan tuliskan nota ringkas:

- (i) Ujikaji Stern-Gerlach dan spin elektron.
- (ii) Kaedah-kaedah dalam menentukan struktur elektronik dalam molekul.
- (iii) Skema gadingan untuk atom yang mempunyai dua atau lebih elektron velen.
- (iv) Asal-usul spektra garisan dan petua pilihan.

(20 markah)